



JABATAN KETUA MENTERI
(UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 9 , 10 & 11 , WISMA BAPA MALAYSIA.
PETRA JAYA,
93502 KUCHING,
SARAWAK.



ISO 9001:2008 Certified

Telefon Am : 082-441957
Kawat : SUK KUCHING
Teleks : HIDMAT MA 70091
Faks : 082-447414 (HRM)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SARAWAK
(Perj. Bil. 3/2014)

DARIPADA: Setiausaha
Kerajaan, Sarawak.

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/
Perbandaran/ Daerah

SALINAN
KEPADA: Pengarah Audit Negeri
Pengarah Audit Dalam, Akauntan
Negeri

PERKARA: Pindaan Kadar Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian
Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

RUJUKAN: 69/EO/2551/Jld.9 TARIKH: 17 MAR 2014

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007 mengenai pelaksanaan pemberian Kemudahan Bayaran Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 berkaitan penjelasan mengenai pelaksanaan pemberian Kemudahan Bayaran Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

3. Kadar Baru Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:

Pindaan Kadar Bayaran (Jadual 1)

Bil.	Jenis Pakaian	Kadar Bayaran Semasa (RM)	Kadar Bayaran Baru (RM)
1	Bayaran Pakaian Istiadat	1,000.00	1,500.00
2	Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	750.00	1,000.00
3	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	450.00	650.00
			450.00 *(pasangan)

* Pasangan adalah merujuk kepada suami atau isteri kepada semua kategori pegawai yang menerima darjah kebesaran, bintang atau pingat dalam Majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/Negeri.

4. SYARAT

- a. kemudahan bayaran ini diberi setiap tiga (3) tahun sekali.
 - b. pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak menuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama;
 - c. tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan resit;
 - d. tuntutan bayaran balik Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan upacara rasmi atau surat arahan bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri;
 - e. tuntutan bayaran balik juga adalah termasuk pasangan untuk semua kategori pakaian dan pegawai seperti dalam Jadual 1;
 - f. penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai; dan
 - g. kemudahan ini adalah **tidak termasuk** Majlis Penyampaian Pingat Perkhidmatan Setia.
5. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sarawak ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
 6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Sarawak ini, Surat Pekeliling (Perj. Bil. 21/2009) adalah terbatal.
 7. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sarawak ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2014**.
 8. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007 mengenai pelaksanaan pemberian Kemudahan Bayaran Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 berkaitan penjelasan mengenai pelaksanaan pemberian Kemudahan Bayaran Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi boleh dimuat turun menerusi laman web **www.jpa.gov.my**.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak